

# DECLOVIR CREAM 5% W/W

Acyclovir 5.0%w.w

---

## Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan DECLOVIR CREAM 5% w/w
2. Bagaimana DECLOVIR CREAM 5% w/w berfungsi?
3. Sebelum mengambil DECLOVIR CREAM 5% w/w
4. Cara menggunakan DECLOVIR CREAM 5% w/w
5. Semasa menggunakan DECLOVIR CREAM 5% w/w
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DECLOVIR CREAM 5% w/w
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan umum tentang DECLOVIR CREAM 5% w/w. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang ada mengenai DECLOVIR CREAM 5% w/w.

Risalah ini tidak boleh digunakan untuk menggantikan nasihat doktor atau ahli farmasi.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda terhadap manfaat yang diharapkan daripada penggunaan ubat ini.

**Jika anda mempunyai sebarang persoalan tentang penggunaan ubat ini, tanyakan kepada doktor atau ahli farmasi.**

**Simpan risalah ini dengan ubat.**

Anda mungkin ingin membaca lagi.

## Apakah kegunaan DECLOVIR CREAM 5% w/w?

DECLOVIR CREAM mengandungi bahan aktif acyclovir. Acyclovir tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai antiviral. Ia digunakan untuk merawat jangkitan kulit yang disebabkan oleh Herpes simplex (kudis herpes), termasuk jangkitan awal dan ulangan di bibir/mulut dan genital.

## Bagaimana DECLOVIR CREAM 5% w/w berfungsi?

DECLOVIR CREAM 5% w/w berfungsi dengan mengurangkan tahap keseriusan dan tempoh masa simptom kudis tetapi tidak dapat menghilangkan jangkitan Herpes simplex (kudis herpes) dari badan anda.

## Sebelum mengambil DECLOVIR CREAM 5% w/w

### Bila tidak boleh mengambil

### **Jangan menggunakan DECLOVIR CREAM 5% w/w:**

- Jika anda sensitif kepada acyclovir atau bahan tidak aktif ubat ini.
- Jika anda tidak pasti, tanyalah doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan DECLOVIR CREAM 5% w/w.

### Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda:

- **Jika anda hamil, menyusukan anak atau bercadang untuk hamil**, beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan DECLOVIR CREAM 5% w/w. Jika anda telah memaklumkan kepada doktor

atau ahli farmasi anda, ikut arahan beliau secara berhati-hati.

## Jagaan khas dengan DECLOVIR CREAM 5% w/w:

Jika anda mempunyai keadaan di mana sistem imun anda kurang berkesan dan badan anda kurang mampu untuk melawan jangkitan (contohnya jika anda mempunyai HIV atau AIDS atau jika anda baru menjalani pemindahan sum-sum tulang). Jika anda tidak pasti, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan DECLOVIR CREAM 5% w/w.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda tentang semua ubat-ubatan yang lain dan produk kulit yang anda gunakan, termasuk ubat-ubatan preskripsi dan bukan preskripsi, vitamin, makanan tambahan herba, dan kosmetik. Jika anda ragu-ragu, sila bertanya pada doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan Declovir Cream.

## Cara menggunakan DECLOVIR CREAM 5% w/w

### Berapa banyak harus digunakan

**Sentiasa menggunakan DECLOVIR CREAM 5% w/w seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.**

### **Dewasa dan kanak-kanak:**

- Cuci dan keringkan kawasan yang terlibat.
- Sapu pada kawasan terlibat setiap 3 hingga 4 jam atau 5 kali sehari selama 5 hingga 10 hari.
- Gunakan dengan berhati-hati pada kawasan yang terlibat dan kawasan sekitarnya.

Bila perlu digunakan

Rawatan harus dimulakan secepat mungkin selepas jangkitan bermula.

Berapa lama perlu digunakan

Gunakan seperti diarahkan oleh doktor anda.

Jika kawasan yang terjejas masih tidak sembuh selepas tempoh rawatan, penggunaan krim harus dihentikan dengan segera dan beritahu doktor anda.

Jika keadaan menjadi lebih teruk atau tidak bertambah baik selepas penggunaan produk ini seperti yang diarahkan, dapatkan nasihat doktor.

Jika terlupa menggunakan

Gunakan ia sebaik sahaja anda ingat. Kemudian kembali ke jadual biasa anda. Jika hampir masa untuk dos yang seterusnya, ambil dos tersebut dan sambungkan dos seterusnya pada masa yang ditetapkan. Jangan menggunakan tambahan dos bagi dos yang tertinggal. Jika anda terlepas beberapa dos, beritahu doktor anda.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda sapu terlalu banyak atau tertelan, ia boleh menyebabkan anda sakit. Berbincang dengan doktor anda atau pergi ke hospital secepat mungkin.

**Semasa menggunakan DECLOVIR CREAM 5%w/w**

Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru yang lain, ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi dan ubat-ubatan herba, beritahu doktor atau ahli farmasi anda bahawa anda sedang menggunakan DECLOVIR CREAM 5%w/w.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

DECLOVIR CREAM 5%w/w tidak digalakkan untuk digunakan pada membran mukus, seperti dalam mulut, mata atau faraj.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Perhatian khusus perlu diambil untuk mengelakkan penggunaan dengan tidak sengaja ke dalam mata.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, DECLOVIR CREAM 5%w/w boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mendapat kesan sampingan. Sesetengah orang mungkin alah terhadap krim tersebut.

Rasa sakit seperti terbakar atau rasa pedih mungkin berlaku. Kemerahan atau pengeringan dan pengelupasan kulit telah dilaporkan dalam sebahagian kecil pesakit.

**Jika kesan sampingan menjadi semakin teruk atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.**

**Untuk Kegunaan Luar Sahaja.**

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (Consumers → Reporting).

**Cara penyimpanan dan pelupusan DECLOVIR CREAM 5%w/w**

Penyimpanan

Simpan di bawah 30° C. Lindungi daripada cahaya terik. Tutup dengan rapat dan betul.

Jauhi daripada kanak-kanak.

Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi. Guna sebelum tarikh luput yang tertera pada bungkusan.

**Maklumat lanjut**

Rupa dan warna

Krim putih dalam tiub aluminium 5g.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:  
Acyclovir 5.0%w/w

Bahan-bahan tidak aktif:  
*Methyl Paraben, Propyl Paraben, White Soft Paraffin, Liquid Paraffin, Monobasic sodium phosphate, Menthol Crystal, Cetearyl Glucoside (and) Cetearyl Alcohol, Phosphoric acid 85%, Oleyl Alcohol, Propylene Glycol, Tea Tree Oil, Cetomacrogol Emulsifying Wax dan Purified Water.*

**Nombor MAL: MAL19988489A**

**Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
MALAYSIA.

Pemegang Pendaftaran Produk

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
MALAYSIA.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

23/11/2015

**Nombor Siri**

BPFK(R4/1)061015/00337